LAMPIRAN A2

SYARAT-SYARAT AM BERKAITAN DENGAN PEMASANGAN KEMUDAHAN AWAM DI REZAB JALAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL)

1. Semua “Road Crossing“ hendaklah bersudut tepat dengan jalan.

2. Kerja-kerja “Road Crossing” perlu dilakukan dengan cara “pipe jacking” sahaja apabila mendapat kebenaran Majlis Perbandaran Kuala Langat diatas sebab-sebab yang tertentu.

3. a. Apabila kerja-kerja pemotongan terbuka dibenarkan, pemotongan tersebut perlu dilakukan secara “clean cut with diamond saw” untuk turapan jalan. Kerja-kerja hendaklah dilaksanakan dengan teratur supaya jalan itu sentiasa dibuka kepada lalulintas.

   b. Hanya satu pemotongan terbuka melintasi jalan dibenarkan pada setiap masa. Pemotongan lain akan hanya dibenarkan selepas kerja-kerja pembaikan/menampung semula dijalankan oleh pihak pemohon.

   c. Kerja-kerja pemotongan terbuka yang melintasi jalan hendaklah dibaiki semula seperti sedia ada dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas pengorekan.

4. Semua bahan-bahan korekan tidak dibenarkan dilonggok di atas permukaan turapan jalan. Bahan-bahan tersebut hendaklah dibuang dari kawasan kerja dengan serta merta selepas pengorekan.

5. Lubang-lubang pengorekan hendaklah disediakan “shuttering” jika perlu, yang mencukupi untuk mencegah retakan dan keruntuhan jalan.

6. Pemohon adalah dipertanggung-jawabkan untuk menampung sementara serta memampatkan semula lubang korekan dengan serta merta. Bagi korekan di atas permukaan jalan, pasir hendaklah digunakan sebagai bahan tampungan (hingga ke paras permukaan jalan) dan dibahu jalan bahan yang sama bolehlah digunakan untuk tujuan tersebut.

7. Jika lencongan jalan diperlukan, pihak tuan hendaklah membinanya mengikut penentuan dan kehendak Majlis Perbandaran Kuala Langat.

8. Pihak tuan hendaklah memastikan kelebaran jalan yang dibuka untuk lalulintas adalah tidak kurang dari 4 meter lebar untuk membolehkan lalulintas berlalu pada setiap masa apabila kerja-kerja pengorekan di atas permukaan jalan dilakukan.

9. Di masa kerja-kerja pengorekan dijalankan papan tanda yang lengkap hendaklah disediakan dan dipasang di tempat-tempat yang tertentu. Papan tanda yang berkenaan seperti berikut:-

i) Papan tanda “Projek“ menunjukkan:-

a) Tajuk projek
b) Pemborong/Pemohon
c) Jarak projek
d) Tempoh projek

ii) Papan-papan tanda **“Amaran”** menunjukkan:-

a) KERJA-KERJA SEDANG DIJALANKAN DI HADAPAN
b) AWAS
c) Tanda Orang Bekerja
d) Had Laju 15 b.s.j
e) Berricades
f) “Flasher lights di waktu malam
g) Flagman untuk mengawasi lalulintas
h) Tanda lencongan (Detour)

10. Dua orang pengawal papan tanda isyarat BERHENTI – JALAN hendaklah disediakan untuk mengawal lalulintas selorong disetiap tempat dimana pemotongan jalan secara terbuka dijalankan.

11. Semua kerosakan terhadap harta Kerajaan dan lain-lain yang disebabkan oleh pekerja tuan adalah menjadi tanggungjawab tuan sepenuhnya.

12. Tuan akan bertanggungjawab atas segala tuntutan akibat kemalangan yang berlaku pada masa kerja tersebut dijalankan. Oleh yang demikian, pemborong tuan yang menjalankan kerja dalam rezab jalan mestilah memiliki “Public Liability Insurance Policy” untuk mengganti rugi (Indemnify) Kerajaan. Salinan polisi insuran hendaklah dihantar kepada yang Majlis Perbandaran Kuala Langat, untuk makluman dan simpanan.

13. Pihak tuan hendaklah memberitahu Majlis Perbandaran Kuala Langat, sekurang-kurangnya dan ‘peg out’ (jajaran kerja) hendaklah dipacak satu (1) minggu sebelum kerja-kerja pengorekan dijalankan supaya satu pemeriksaan bersama dapat diadakan bagi menentukan semuanya berada di dalam keadaan teratur.

14. Sekiranya tuan tidak memulakan kerja-kerja dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kelulusan diberi, permohonan yang baru hendaklah dimajukan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan semula.

15. Kerja-kerja pengorekan dibahu jalan pada satu masa adalah tidak dibenarkan melebihi panjang seperti berikut:-

	Jabatan / Agensi		*Jarak Maksima Korekan Terbuka Yang Dibenarkan Pada Sesuatu Masa.*
i.	*Telekom*	-	*250m*
ii.	*Bekalan Air*	-	*100m*
iii.	*Tenaga Nasional Berhad (TNB)*	-	*100m*
iv.	*Gas*	-	*100m*
v.	*Pembetong (Sewerage)*	-	*100m*

16. a. Kerja-kerja membaiki jalan-jalan rosak disebabkan oleh kerja pengorekan hendaklah mengikut penentuan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Bahagian tepi ubin jalan hendaklah dipotong lurus dan separas dengan jalan yang sedia ada.

b. Penentuan untuk kerja-kerja pembaikan ubin jalan adalah seperti dibawah kecuali penentuan lain diberi:-

i.	Sub-base (pasir)	-	50mm tebal
ii.	Base (crusher run)	-	350mm tebal
iii.	Asphaltic Concrete (premix)	-	65mm tebal

17. Semua paip, kabel dan sebagainya yang mana jenisnya telah diluluskan untuk dipasang dibawah permukaan jalan hendaklah dipasang sekurang-kurangnya satu (1) meter di ukur dari permukaan jalan hingga ke permukaan atas (crown) paip dan sebagainya.

18. Pemohon adalah bertanggungjawab terhadap segala kerosakan jalan jambatan, tiang-tiang kilometer dan lain-lain dalam melaksanakan kerja-kerja**. Wang cagaran di atas nama Majlis Perbandaran Kuala Langat,** Selangor Darul Ehsan mengikut jumlah yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan sebelum kerja-kerja pengorekan dibenarkan. Kelulusan adalah dibatalkan jika pemohon gagal mengemukakan wang cagaran tersebut.

19. Jabatan atau Agensi yang boleh mengeluarkan “Letter of Under Taking” untuk membaiki segala kerosakan jalan adalah dikecualikan daripada mengemukakan Wang Cagaran. Walau bagaimanapun, segala perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk membaiki kerosakan tersebut akan dituntut dari jabatan atau Agensi berkenaan.

20. Pemohon tidak dibenarkan membuat ‘stok piling’ bahan binaan dibahu jalan.

21. Semua potongan jalan secara jalan terbuka hendaklah dibaiki semula dengan kaedah ’milling and resurfacing’ dan garisan jalan yang rosak hendaklah dibuat semula menggunakan bahan ’thermoplastic’.

22. Pihak pemohon bertanggungjawab ke atas segala kos yang terlibat dengan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas kemudahan-kemudahan awam yang dilaksanakan oleh pihak pemohon, disebabkan oleh kerja-kerja melebarkan dan memperelokkan jalan, dimasa-masa akan datang dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

23. Satu lawatan bersama ke tapak hendaklah diadakan bagi memastikan kedudukan sebenar saluran paip / kabel yang dicadangkan.

24. Pemohon hendaklah memberitahu pejabat ini 1 (satu) minggu sebelum kerja dimulakan dan sehari sesudah kerja disiapkan.

25. Ulasan dan kelulusan ini adalah hanya untuk kerja-kerja direzab jalan-jalan yang dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat.

26. Semua kerja-kerja memasang paip/kabel dilakukan didalam kawasan tiga (3) meter daripada kawasan sempadan di kiri atau pun kanan rezab jalan kecuali apabila terdapat keperluan untuk ”road crossing” atau mendapat arahan/kebenaran daripada Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi keperluan yang tertentu. Semua kerja-kerja ”road crossing” di Jalan Utama perlu menggunakan care ”Pipe Jacking” atau seumpamanya sahaja.

27. Semua lintasan di dalam rezab jalan perlu dicadangkan rekabentuknya untuk kelulusan dengan had dalam paip/kabel di tanam tidak kurang daripada 1.5 meter daripada permukaan atas (”crown”) paip.

28. Semua lintasan parit perlu dicadangkan rekabentuknya untuk kelulusan dengan had dalam paip/kabel ditanam tidak kurang daripada 1.2 meter daripada paras bawah parit tepi jalan.

29. Paip/kabel tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan atau pembetung dan hendaklah dipasang tidak kurang daripada 5 meter daripada tepi struktur berkenaan. Aras bawah paip/kabel mestilah tidak kurang daripada 0.5 meter daripada aras permukaan jalan.

30. Perhatian hendaklah ditumpukan kepada perkara berikut:-

a) Gangguan yang minima kepada lalulintas dan pengguna jalanraya yang lain.

b) Pengawasan yang rapi perlu dijalankan semasa kerja-kerja ini dijalankan agar permukaan jalan dan bahu jalan tidak rosak.

c) Papan-papan tanda sementara hendaklah mencukupi semasa kerja-kerja dijalankan.

31. Sila kemukakan borang Majlis Perbandaran Kuala Langat BP1/2014 yang telah diisikan dengan sempurna kepada pejabat ini. Kerja-kerja berkenaan tidak boleh dimulakan jika borang tersebut belum dikemukakan.

32. Kerja-kerja pemasangan sesalur dipermukaan jalan dibenarkan secara ’open cut’ tetapi hendaklah dibaikpulih secara ’milling’ dan ’resurfacing’ pada kadar segera. (Termasuk kerja-kerja lintasan).

33. Kerja-kerja milling dan resurfacing bagi ”open cut” hendaklah selebar 3 meter minima atau satu lorong jalan atau seperti diarahkan oleh pihak Majlis.

34. Pemohon hendaklah menyediakan pelan ”under ground detection utilities mapping” bagi laluan tersebut.